

16/02/1997

Sarawak tangguh terima Umno

KOTA SAMARAHAN: Sarawak akan membuka pintu negeri ini kepada Umno untuk mengembangkan sayapnya di sini, sebaik saja segala permasalahan bersifat kedaerahan berjaya diatasi, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Sejajar dengan itu, beliau selaku Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri menafikan dakwaan Sarawak menolak Umno dan tidak akan menerima parti kebangsaan itu memasuki negeri ini.

"Pada masa ini secara dasarnya kita memang menerima Umno untuk memasuki Sarawak. Cuma hasrat itu ditangguhkan buat sementara bagi membolehkan kita mengatasi masalah yang bersifat kedaerahan yang masih wujud di negeri ini.

"Ini bagi memastikan apabila Umno bertapak di sini, kita tidak akan berterusan membawa isu yang bersifat kedaerahan dalam perhimpunan Umno dan menunjukkan bahawa kita ketinggalan," katanya selepas merasmikan Bandar Baru Asajaya, di Asajaya dekat sini, semalam.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis berkenaan, Taib berkata parti PBB selaku tonggak BN negeri bukan anti-Umno, cuma menunggu masa sesuai untuk memberi laluan kepada parti kebangsaan itu, khususnya sebaik semua penduduk negeri ini memahami fahaman yang dibawa parti berkenaan.

"Kalau ikut fahaman saya, Datuk Jabu (Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang, Timbalan Presiden PBB) dan Datuk Adenan (Datuk Adenan Satem, Naib Presiden PBB) memang senang, esok pun Umno boleh memasuki negeri ini.

"Tetapi apa yang kita mahukan sekarang ialah semua rakyat memahami dan bersedia menyertai Umno, bagi membolehkan Bumiputera lebih kuat dan perpaduan lebih erat," katanya.

Oleh itu, katanya, beliau tidak mahu mengambil keputusan secara gopoh, kerana jika Umno memasuki negeri ini, sedangkan rakyat berpecah, ini bererti kedatangan Umno tidak membawa kebaikan kepada politik Sarawak.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) memahami keadaan di Sarawak, kerana kita sudah memberi maklumat terperinci mengenai keadaan di negeri ini.

"Sebab itu kedatangan Umno akan diatur secara rapi, kerana pengalaman yang kita lalui sebelum ini," katanya.

(END)